

**KONFLIK DAN CAMPURTANGAN ASING: RAJA  
ABDULLAH DAN NGAH IBRAHIM 1860-1875**

**LIZAWATI BTE RAMLI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**KONFLIK DAN CAMPURTANGAN ASING: RAJA  
ABDULLAH DAN NGAH IBRAHIM 1860-1875**

Oleh

**LIZAWATI BTE RAMLI**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Sarjana  
Sastera**

**DISEMBER 2015**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**DISEMBER 2015**

**LIZAWATI BTE RAMLI**

**PHM 0041/11 (R)**

## PENGHARGAAN

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, pelbagai pihak telah memberikan kerjasama dan sumbangan yang sangat tidak ternilai harganya. Jasa dan budi baik semua yang terlibat amat saya hargai dan tidak terbalas dengan kata-kata. Pertama, saya ingin merakamkan segunung penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Azmi Arifin atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau yang tidak pernah mengenal erti penat lelah dalam membantu saya menghasilkan sebuah kajian yang tidak kurang cabarannya ini. Jasa beliau amat saya hargai dan tidak mampu saya balas. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalasnya.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) dan lain-lain di atas bantuan dan layanan mesra mereka sepanjang tempoh pencarian bahan bagi melengkapkan kajian saya ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberikan sokongan moral.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kasih sayang kepada keluarga tercinta terutama ibu dan ayah yang telah bersusah-payah memberikan sokongan serta nasihat yang amat berguna sebagai pedoman untuk saya berjaya dalam hidup. Jasa mereka hanya dapat dibalas oleh Tuhan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada adik-beradik di atas sokongan mereka sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
<b><i>ABSTRACT</i></b>	<b>viii</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Kajian Lalu	8
1.2 Objektif Kajian	30
1.3 Kaedah Kajian	31
1.4 Skop Kajian	32
1.5 Struktur Bab	34
<b>BAB 2: PERAK KURUN KE-19 DARI CATATAN AHLI SEJARAH</b>	
2.0 Ahli Sejarah dan Negeri-Negeri Melayu Kurun Ke-19	36
2.1 Perebutan Takhta 1870-an dalam Catatan Ahli Sejarah	53
<b>BAB 3: HUBUNGAN AWAL SEHINGGA BERMULANYA KONFLIK DAN PERSENGKETAAN</b>	
3.0 Hubungan Awal Raja Abdullah-Ngah Ibrahim	73
3.1 Perebutan Takhta 1870-an: Kesannya Terhadap Hubungan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim	96

## **BAB 4: KESAN-KESAN CAMPURTANGAN ASING DI PERAK**

4.0 Raja Abdullah dan Peranan ‘Tangan-Tangan Asing’ dalam Politik Perak	117
4.1 Perang Larut dan Kaitannya dengan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim	128
4.2 Kesan Perang Larut Terhadap Hubungan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim	147

## **BAB 5: CAMPURTANGAN BRITISH DI PERAK DAN REAKSI ORANG MELAYU**

5.0 Dasar-dasar British di Perak Sebelum 1874	155
5.1 Perubahan Dasar British Sehingga Terlaksananya Perjanjian Pangkor 1874	156
5.2 Kedudukan Raja Abdullah-Ngah Ibrahim Selepas Perjanjian Pangkor	171
5.3 Perjanjian Pangkor: Reaksi dan Tindakbalas Orang Melayu	178

<b>BAB 6: RUMUSAN</b>	194
-----------------------	-----

<b>BIBLIOGRAFI</b>	202
--------------------	-----

## SENARAI SINGKATAN

CO	Colonial Office
CEAP	Copies or Extracts of Correspondence with references to the case of Ex- Sultan Abdullah of Perak
ECCPOE	Enquiry as to Complicity of Chiefs in the Perak Outrages
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
MBRAS	Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
SSR	Straits Settlements Record

## **KONFLIK DAN CAMPURTANGAN ASING: RAJA ABDULLAH DAN NGAH IBRAHIM 1860-1875**

### **ABSTRAK**

Kajian ini meneliti hubungan dan konflik yang tercetus antara dua tokoh politik penting di Perak iaitu Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim sekitar penghujung kurun ke-19. Tujuannya adalah untuk membahaskan punca-punca sebenar yang mewujudkan konflik antara mereka. Dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan arkib, kajian ini menilai sudut pandang para pentadbir kolonial, sarjana Barat dan para sarjana tempatan bagi mengetahui sejauhmana wujud dakwaan yang mengatakan bahawa negeri-negeri Melayu kurun ke- 19 khususnya Perak telah mengalami zaman kemerosotan dan anarki disebabkan konflik yang tercetus dalam kalangan pemerintah Melayu. Wujud juga dakwaan meluas yang mengatakan konflik yang melibatkan dua tokoh tersebut berpunca daripada isu ‘perebutan takhta’ kesultanan Perak pada tahun 1871. Berdasarkan penelitian mendalam, kajian ini mendapati bahawa konflik antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim sebenarnya bukanlah berpunca daripada ‘perebutan takhta’ pada tahun 1871. Sebaliknya konflik antara mereka berpunca daripada masalah peribadi yang telah lama tercetus akibat perebutan terhadap hak milik daerah Larut yang kaya dengan bijih timah. Daerah Larut juga menjadi medan yang menyaksikan perang saudara antara puak kongsi gelap Cina yang secara tidak langsung turut mengheret penglibatan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim yang menjadi pemilik daerah tersebut. Pada masa yang sama, manipulasi pihak-pihak yang berkepentingan atau disebut ‘tangan-tangan ghaib’ dalam konflik antara kedua-dua belah pihak dan campurtangan British sendiri dalam menyokong dan menaikkan kepimpinan Melayu Perak yang telah disisihkan



mewujudkan ketidakstabilan yang akhirnya dipergunakan pula sebagai alasan bagi British menjustifikasi campurtangannya di Perak

**CONFLICT AND FOREIGN INTERVENTION: RAJA ABDULLAH AND  
NGAH IBRAHIM 1860-1875**

**ABSTRACT**

*This study examines the relationship and conflicts that broke out between two political figures in Perak, Raja Abdullah and Ngah Ibrahim, at the end of the 19<sup>th</sup> century. The purpose of this study is to discuss the actual factors which caused the conflict between them. Through literature review and archival methods, this study assesses the point of view of the colonial administrators, Western and local scholars to know how extensive is the claim stating that the Malay states during the 19<sup>th</sup> century particularly Perak, has undergone an anarchy and deterioration era due to the conflicts among the Malay rulers. There is also a widespread allegation that the conflict involving this two figures aroused from the fight for the throne of the Perak sultanate in 1871. Based on the clearer evidence, this study discovered that the conflict between Raja Abdullah and Ngah Ibrahim was not caused by the struggle in 1871. Instead, it was caused by a long standing personal conflict due to the scramble to claim Larut district which is rich in tin mining. Larut district had also witnessed the civil war between the Chinese triads which indirectly involved Raja Abdullah and Ngah Ibrahim who was the owner of the district. At the same time, the manipulation by certain parties or also referred to as 'the invisible hands' in the conflict and the British's intervention in supporting and uplifting the leadership of sidelined Malays of Perak had created instability which eventually turned into an excuse for the British to justify their intervention in Perak.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Latar Belakang Kajian**

Walaupun negeri-negeri Melayu kurun ke-19 sering menjadi tumpuan dalam pengkajian tentang sejarah Malaysia sehingga kini, namun masih wujud banyak kekaburan tentang perkembangan sebenar yang berlaku di negeri-negeri Melayu itu. Umumnya, dalam mengkaji tentang perkembangan kurun tersebut, ahli sejarah lebih cenderung memberi tumpuan kepada kegiatan kolonialisme British di negeri-negeri tersebut. Akibatnya penulisan mereka begitu cenderung menekankan watak-watak dan peranan orang luar sehingga menyebabkan watak dan reaksi masyarakat tempatan sering dipinggirkan. Namun peranan sebenar pihak asing dalam kegiatannya mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi dan kesan-kesan negatif dasar imperialisme seakan-akan cuba 'disembunyikan' atau dipinggirkan pula daripada arus perbincangan sejarah. Bahkan wujud suatu kepercayaan yang amat kuat khususnya dalam kalangan penulis kolonial dan kemudiannya disambung oleh ahli sejarah Barat dan tempatan sendiri bahawa pihak British datang ke negeri-negeri Melayu hanya sebagai penyelamat orang Melayu. Ini kerana orang Melayu khususnya di Perak pada kurun ke-19 dikatakan sedang tersepit dalam kancah kemerosotan ekonomi dan kehancuran politik akibat masalah 'perebutan takhta' dan perang saudara yang telah tercetus sejak sekian lama lagi yakni sebelum kedatangan British lagi.

Kekurangan sumber sejarah tempatan telah mendorong ramai ahli sejarah menggunakan catatan peribadi dan laporan rasmi daripada pentadbir kolonial sebagai

rujukan utama bagi memahami tentang perkembangan sejarah negeri-negeri Melayu kurun ke-19. Kecenderungan tersebut menyebabkan mereka kerap dipengaruhi oleh pandangan yang gemar menonjolkan aspek-aspek negatif tentang sistem politik dan pemerintahan peribumi yang umumnya menjadi tumpuan dalam laporan-laporan rasmi pentadbir kolonial. Akibatnya ahli sejarah cenderung memberi gambaran bahawa negeri-negeri Melayu kurun ke-19 sedang berada dalam keadaan yang amat merosot, berpecah-belah, wujudnya keadaan anarki, perang saudara dan 'feudal'.<sup>1</sup> Pergantungan terhadap catatan-catatan dan laporan-laporan pentadbir kolonial menyebabkan dakwaan sebegini seringkali muncul dalam penulisan ahli sejarah yang mengkaji bukan sahaja perkembangan sesetengah negeri-negeri Melayu kurun ke-19, bahkan sejarah keseluruhan kerajaan-kerajaan Melayu yang lebih awal. Walaupun tidak dapat dinafikan catatan-catatan kolonial juga penting bagi kita mengetahui dan mendapat gambaran umum tentang sejarah negeri-negeri Melayu kurun ke-19, namun sumber-sumber tersebut perlu dianalisis dan digunakan dengan cukup berhati-

---

<sup>1</sup> Azmi Arifin dalam tulisannya yang bertajuk *Feudalisme Eropah Barat Zaman Pertengahan* telah menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan konsep feudal. 'Istilah feudalisme, mengikut takrifan yang umum, menerangkan satu bentuk hubungan ketenteraan, politik dan sosial yang kompleks, yang muncul dalam amalan masyarakat Eropah Barat pada awal Zaman Pertengahan... Dari segi sejarahnya, "feudal" merupakan satu perkataan Eropah. Istilah ini telah muncul dalam perbincangan tentang sejarah Eropah sekurang-kurangnya sejak dari kurun ke-16 lagi. Pada peringkat awalnya, perbincangan tentang istilah *fief* atau feudal timbul daripada suatu perdebatan tentang soal undang-undang yang kemudiannya beralih menjadi isu perbalahan politik'. Azmi Arifin, *Feudalisme Eropah Barat Zaman Pertengahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 1-2. Dalam tulisan lain, beliau telah menjelaskan berkaitan konsep feudal, 'Feudalisme merupakan konsep Eropah yang diperkenalkan untuk membicarakan sejarah masyarakat Eropah Barat Zaman Pertengahan kurun ke-11 hingga ke-13. Namun pada hari ini, ia sering disalahfaham dan dikaitkan dengan gejala masyarakat tradisional atau moden di seluruh dunia yang tidak jelas dengan ciri-ciri feudalnya. Ahli sejarah dan sains sosial terutamanya telah mewujudkan banyak kekeliruan dalam tulisan mereka kerana mengaitkan feudalisme dengan apa sahaja unsur yang dianggap sebagai mundur, jahat dan negatif, biarpun pada hakikatnya feudalisme merupakan satu amalan yang telah membina landasan penyatuan dan kemajuan kepada masyarakat Eropah'. Azmi Arifin, *Konsep Feudalisme: Takrif, Ciri-ciri dan Garis Panduan*, *JEBAT, Jurnal Sejarah, Politik dan Strategi*, bil. 33, 2006, hlm. 45. Manakala dalam tulisan lain, beliau menjelaskan; 'Istilah 'feudalisme' dipinjam daripada penulisan tentang sejarah Eropah. Ahli sejarah yang mengkaji perkembangan feudalisme di Eropah Barat pada zaman kemuncaknya pada zaman pertengahan (kurun ke-11 hingga ke-13) menganggap feudalisme sebagai satu amalan yang mewakili zaman tertentu dan dibentuk oleh beberapa ciri tertentu yang saling melengkapi. Ciri-ciri tersebut ialah hubungan *vassalage-fief*, militerisme dan pemecahan kuasa kerajaan'. Azmi Arifin, 'Feudalisme Melayu' dan Perak Kurun Ke-18 daripada Catatan Misa Melayu, *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, Vol. 12, October 2005, hlm. 55.

hati agar pandangan yang terhasil tidak berbau kolonial dan penulisan sejarah negeri-negeri Melayu menjadi lebih bersifat objektif.

Secara umumnya pensejarahan tentang perkembangan negeri-negeri Melayu kurun ke-19 memperlihatkan wujudnya keadaan perpecahan dan anarki, atau dengan perkataan yang lebih popular ‘feudalisme Melayu’,<sup>2</sup> yang didakwa tercetus di negeri-negeri Melayu disebabkan oleh kelemahan sistem politik tradisional dan kejahatan pemerintah peribumi. Dakwaan-dakwaan sedemikian dibuat oleh pentadbir-pentadbir kolonial, penulis-penulis Barat dan juga para sarjana tempatan yang memberi tumpuan terhadap perkembangan negeri-negeri Melayu pada kurun ke-19 khususnya

---

<sup>2</sup> Cheah Boon Kheng menjelaskan dalam tulisannya yang bertajuk ‘Feudalisme Melayu Ciri-ciri dan Pensejarahan’; ‘Ada banyak takrif tentang feudalisme, tetapi secara kasarnya terdapat dua takrif umum yang merangkumi segala ciri persamaan dan perbezaan. Salah satu takrif itu menekankan bahawa feudalisme ialah satu bentuk organisasi politik dan sosial yang didalamnya terdapat kedudukan tinggi dalam hierarki masyarakat feudal itu; pembahagian hak secara kecil-kecilan atas harta benda; satu skala hak individu ke atas tanah yang dipecahkan mengikut taraf sosial dalam hubungan manusia yang saling bergantung; dan pengagihan kuasa politik antara pemegang jawatan dalam hierarki itu (biasanya, golongan bangsawan dan hulubalang). Seajar dengan mengambil alih tugas dan kuasa yang biasanya menjadi hak milik kerajaan negeri tetapi telah jatuh ke tangan mereka kerana berpecahnya negeri menjadi beberapa buah daerah kecil. Mengikut takrif umum yang kedua, feudalisme ialah satu sistem hubungan yang bertimbal balas yang berdasarkan ketaatsetiaan antara dua kumpulan manusia bebas-satu pihak yang dipanggil *lord* dan satu pihak yang diperintah yang dipanggil *vassal*.’ Cheah Boon Kheng, *Feudalisme Melayu Ciri-ciri dan Pensejarahan*, dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Kheng, *Isu-isu Pensejarahan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1991, hlm. 3. Menurut Chandra Muzaffar, konsep feudalisme Melayu yang digembargemburkan oleh pemerintah kolonial merupakan suatu bentuk kekejaman pemerintah Melayu terhadap rakyatnya. Beliau menjelaskan, ‘Pihak British menonjolkan perlakuan-perlakuan kejam raja-raja Melayu dan menyampaikan sebagai suatu aliran perkembangan am semata-mata untuk digunakan sebagai alasan bagi campurtangan kolonial. Tambahan pula, keadaan huru-hara di akhir abad ke-19 yang sebahagiannya disebabkan kekejaman raja dan para pembesar merupakan kejadian-kejadian dalam suatu jangkamasa sejarah yang tidak langsung dicerminkan sikap yang lazim di zaman Melaka keseluruhannya’. Chandra Muzaffar, *Pelindung?*, Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara, 1992, hlm. 17. Azmi Arifin pula mempunyai pandangan yang berbeza mengenai istilah ‘Feudalisme Melayu’. Beliau menegaskan bahawa tidak wujud istilah ‘feudalisme Melayu’ yang dianggap sebagai mitos atau kebohongan zaman kolonial yang telah dipergunakan sebagai alat untuk menjustifikasikan penjajahan British di negeri-negeri Melayu. Beliau juga turut menjelaskan “sebenarnya gejala-gejala peperangan, perebutan takhta, perpecahan politik dan kekacauan yang menyebabkan keruntuhan sesebuah kerajaan sering berlaku dalam sejarah kebanyakan masyarakat tanpa mengira masa, tempat atau keadaan. Ia tidak semestinya mempunyai kaitan dengan perkembangan feudalisme. Malah di Eropah Barat Zaman Pertengahan sendiri misalnya, peperangan saudara dan perpecahan politik sudah berlaku sejak awal, sekurang-kurangnya sejak daripada kematian Raja Colvis yang memerintah kerajaan Merovingian pada tahun 511 lagi’. Azmi Arifin, *Konsep Feudalisme: Takrif, Ciri-ciri dan Garis Panduan*, *JEBAT, Jurnal Sejarah, Politik dan Strategi*, bil. 33, 2006, hlm. 66. Juga lihat dalam Azmi Arifin, *Feudalisme, Eropah Barat Zaman Pertengahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

berdasarkan konflik yang berlaku di negeri-negeri 'lubuk bijih timah' seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Kemerostan dan perpecahan yang dikaitkan dengan 'feudalisme Melayu' misalnya dikatakan berlaku secara berleluasa akibat kelemahan pemimpin tempatan dalam mentadbir hal ehwal negeri dengan baik dan adil mengakibatkan campurtangan daripada pihak British. Dalam tulisan mereka, pentadbir kolonial misalnya telah mengembar-gemburkan keadaan keganasan dan kemerostan dalam sesebuah negeri, bahkan telah memanipulasinya dalam usaha memberi gambaran yang negatif tentang keadaan politik di negeri-negeri Melayu pada ketika itu. Keadaan tersebut kemudiannya telah dijadikan sebagai suatu alasan oleh pihak British untuk campurtangan dalam urusan negeri-negeri Melayu. Kononnya kedatangan dan campurtangan mereka adalah atas jemputan pemerintah-pemerintah Melayu sendiri yang cuba untuk mengatasi kekacauan di negeri-negeri mereka.

Dakwaan penulis kolonial itu telah diterima dan dianggap benar oleh sesetengah sarjana Barat dan tempatan yang seterusnya menyambung dan mengembangkan lagi pandangan tersebut. Akibatnya wujudlah kekaburan dan kekeliruan mengenai perkembangan sejarah negeri-negeri Melayu kurun ke-19 dan ianya masih berterusan bagaikan tiada penghujungnya. Hal ini kerana masih belum ada kajian yang khusus telah dihasilkan bagi melihat secara lebih mendalam punca-punca sebenar yang mendorong konflik yang berlaku di setiap negeri Melayu itu. Tulisan sedia ada kebanyakannya hanya membincangkan sejarah negeri Melayu secara luas dan umum sahaja. Pergantungan kepada catatan kolonial menjadikan sejarah negeri Melayu yang ada hanya dilihat dari kacamata orang luar khususnya pentadbir kolonial yang jelas bersifat prejudis. Maka di sinilah terletaknya

kepentingan untuk meneliti semula sejarah negeri-negeri Melayu kurun ke-19 khususnya yang melibatkan tema konflik politik dan campurtangan asing agar perspektif baru yang lebih objektif dan gambaran sejarah yang lebih tepat dapat dihasilkan.

Perkembangan politik di Perak kurun ke-19 bolehlah dianggap sebagai satu isu yang menarik kerana Perak merupakan negeri Melayu pertama yang menerima campurtangan British secara langsung apabila sistem Residen British mula diperkenalkan selepas termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan sejarah dan perkembangan politik di Perak kurun ke-19 menjadi antara salah satu topik sejarah yang mendapat perhatian meluas dan kerap dibincangkan oleh sarjana Barat mahupun tempatan. Tumpuan kajian atau penulisan penulis-penulis sebelum ini adalah lebih berkisar mengenai keadaan di Perak antara tahun 1871-76 iaitu ketika berlakunya suatu peristiwa yang diperlihatkan sebagai konflik 'perebutan takhta' antara raja-raja Melayu Perak sehingga mendorong kepada ketidakstabilan politik dan campurtangan asing dalam negeri tersebut.

Walaupun pandangan umum sehingga kini menjelaskan kemerosotan dan perpecahan yang berlaku adalah berpunca daripada sistem politik yang lemah dan kejahatan pemerintah Melayu, namun pandangan kolonial tersebut telah menimbulkan perdebatan dan dikritik oleh sesetengah pengkaji. Terdapat beberapa pengkaji sejarah yang berpendapat ketidakstabilan dan perpecahan yang berlaku di Perak pada kurun ke-19, khususnya yang berkisar kepada persengketaan politik yang berlaku pada tahun 1870-an, adalah lebih berpunca bukannya daripada konflik yang

melibatkan pemerintah tempatan tetapi lebih disebabkan oleh manipulasi politik yang dimainkan oleh pihak-pihak luar seperti British dan golongan kapitalis Eropah-Cina di Negeri-negeri Selat.<sup>3</sup> Maka timbullah persoalan terhadap pandangan yang mana satukah yang boleh diterima dan dianggap benar?

Dalam usaha mencari satu jawapan yang benar-benar kukuh tentang persoalan apakah punca-punca sebenar yang membawa kepada berlakunya konflik dan perebutan takhta di Perak pada awal 1870-an itu, kajian ini akan menganalisis perkaitannya dengan hubungan yang wujud antara dua tokoh politik utama yang terlibat dalam konflik politik di Perak pada ketika itu iaitu Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim. Selain daripada beberapa tokoh penting yang lain,<sup>4</sup> kedua-dua pemerintah Melayu itu telah diperlihatkan sebagai dalang utama yang memainkan peranan mencetuskan perpecahan dan ketidakstabilan politik disebabkan oleh persaingan antara mereka bagi merebut kekayaan dan kekuasaan politik di Perak.

Oleh itu, dalam kajian ini hubungan antara mereka akan dianalisis secara teliti bagi memahami sejauhmanakah hubungan atau konflik yang wujud antara mereka ini menjadi punca tercetusnya konflik politik di Perak dan sejauhmanakah pula konflik itu memberi kesan besar terhadap ketidakstabilan negeri Perak

---

<sup>3</sup> Azmi Arifin misalnya menyatakan peranan British dan golongan pedagang Eropah-Cina serta kongsi gelap sebenarnya telah mewujudkan keadaan kucar-kacir dalam negeri Perak. Menurut beliau; *'the truth is that, if anyone were to be called opportunist-other than the British themselves-it should be the European, Chinese capitalist and the leaders of the Chinese triads. They took advantage of the Perak's fiasco to manipulate it to their own gains through a number of ways...'*. Lihat Azmi Arifin, *Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies and the Malay Rulers*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 39 (1) (July 2012), hlm. 6. Juga lihat dalam Azmi Arifin, *Kolonialisme British, Pergaduhan Kongsi Gelap Cina dan 'Perebutan Takhta' di Perak, 1871-1874*, dalam Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Arifin, *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*, Pulau Pinang, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, hlm. 72-76.

<sup>4</sup> Tokoh-tokoh yang dikaitkan dengan isu perebutan takhta Perak ialah Raja Abdullah, Raja Ismail, Raja Yusuf, Ngah Ibrahim dan beberapa pembesar yang umumnya menjadi penyokong atau pengikut kepada individu-individu tersebut, antaranya termasuklah Dato' Maharajalela, Shahbandar, Temenggung dan lain-lain lagi.



menjelang penghujung kurun ke-19. Beberapa persoalan penting yang harus ditimbulkan atau diperdebatkan adalah berkaitan isu apakah perebutan takhta yang melibatkan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim (atau Raja Ismail)<sup>5</sup> merupakan punca utama yang mencetuskan ‘kekacauan’ di Perak sekitar tahun 1870-an? Adakah konflik antara mereka disebabkan oleh ‘perebutan takhta’ kesultanan Perak atau pun sebenarnya lebih didorong oleh faktor-faktor luar, misalnya faktor peribadi atau faktor ekonomi khususnya melibatkan persaingan untuk menguasai daerah Larut yang kaya dengan hasil bijih timah? Bagaimana pula peranan pihak asing dalam mempengaruhi pertelingkahan tersebut? Adakah mereka merupakan peniaga dan pentadbir kolonial yang hanya mencari kestabilan atau merekalah sebenarnya punca utama yang mencetuskan kekacauan di Perak? Adakah British mahupun pedagang Eropah-Cina yang mendesak penjajahan sepenuhnya British terhadap Perak kononnya untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di negeri itu tidak turut terlibat dalam proses-proses yang mencetuskan kekacauan, ketidakstabilan politik dan seterusnya campurtangan asing di Perak? Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan tersebut dengan meneliti semula hubungan dan konflik yang tercetus antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim serta peranan pihak asing dalam menyemarakkan lagi api pertelingkahan antara kedua-dua individu tersebut.

---

<sup>5</sup> Walaupun ‘perebutan takhta’ sebenarnya melibatkan Raja Abdullah dan Raja Ismail, namun Raja Ismail yang menjadi Sultan menggantikan tempat Raja Abdullah didakwa hanya dipergunakan oleh Ngah Ibrahim untuk memenuhi keinginannya sendiri menjadi Sultan Perak. Oleh itu, ramai sarjana berpendapat bahawa ‘perebutan takhta’ sebenar melibatkan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim. Lihat Azmi Arifin, *Perak Disturbances*, hlm. 53.

## **1.1Kajian-kajian Lalu**

Pengetahuan tentang perkembangan negeri-negeri Melayu kurun ke-19 umumnya banyak diperolehi melalui catatan awal yang telah dikemukakan oleh penulis luar, khususnya penjelajah dan pentadbir Eropah. Mereka yang terdiri daripada para pengembara, pegawai kerajaan, pentadbir politik, askar dan mubaligh Eropah misalnya sering membuat catatan awal tentang keadaan yang terdapat di negeri-negeri Melayu, khususnya negeri-negeri Melayu pantai Barat Semenanjung. Oleh kerana golongan tersebut telah menulis dan menghasilkan catatan berdasarkan peristiwa yang dilihat dan dilalui sendiri oleh mereka, maka catatan mereka dianggap sangat penting dan menjadi rujukan utama yang digunakan bagi memahami perkembangan yang berlaku di negeri-negeri Melayu kurun ke-19.

Umumnya tulisan mereka wujud dalam bentuk catatan-catatan peribadi, surat-surat rasmi dan laporan-laporan bertulis yang dikemukakan kepada Pejabat Kolonial bagi menjelaskan tentang keadaan-keadaan tertentu yang wujud di negeri-negeri Melayu yang perlu diambil kira oleh kerajaan Eropah, khususnya British, bagi melaksanakan dasar-dasar campurtangan di negeri-negeri tersebut. Antara pentadbir kolonial British yang telah membuat catatan tentang negeri-negeri Melayu kurun ke-19 semasa permulaan zaman imperialisme baru iaitu J. W. W Birch, J. F McNair, W. H Read, C. J Irving, W. A Pickering, Thomas Braddell, F. A Swettenham, W. R Jervois, Hugh Clifford, W. E Maxwell dan ramai lagi. Berdasarkan nama-nama tersebut, adalah jelas bahawa sebahagian besar daripada mereka merupakan pentadbir, askar kolonial atau pedagang British yang pernah mentadbir atau terlibat sendiri dalam kegiatan campurtangan politik dan ekonomi di negeri-negeri Melayu

termasuklah dalam kempen-kempen memerangi pihak penentang British di negeri-negeri Melayu sekitar kurun ke-19.

Beberapa tulisan utama yang dihasilkan menjelaskan tentang perkembangan Perak kurun ke-19, khususnya yang menyentuh tentang pergolakan yang berlaku di negeri Melayu pada tahun 1870-an adalah seperti yang dikemukakan oleh McNair dan Swettenham.<sup>6</sup> Umumnya penulis kolonial tersebut menggambarkan negeri-negeri Melayu kurun ke-19 berada dalam keadaan yang amat merosot, berpecah-belah dan ‘anarki’. Dakwaan itu berpunca daripada anggapan mereka tentang wujudnya sistem politik peribumi yang lemah dan perebutan kuasa yang berlaku secara meluas di seluruh negeri Melayu sepanjang kurun ke-19 yang menjadikan setiap negeri Melayu itu tidak terlepas daripada berada dalam keadaan yang merosot dan huru-hara. Dari sudut ini, Perak menjadi contoh utama yang digunakan oleh mereka bagi menjelaskan tentang kemerosotan dan keadaan anarki yang wujud di negeri Melayu yang telah mendorong kepada campurtangan British. Ini kerana Perak merupakan negeri Melayu pertama yang menerima asakan dan kemaraan dasar campurtangan British secara langsung yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 dan pengenalan Sistem Residen British yang pertama.<sup>7</sup>

McNair merupakan seorang askar British yang pernah terlibat dalam proses campurtangan dan kempen memerangi pejuang-pejuang Melayu yang bangkit menentang British di Perak. Semasa penglibatan itu, beliau telah menghasilkan satu

---

<sup>6</sup> J. F McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1878.

Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: J Lane, The Bodley Head, 1907.

<sup>7</sup> Tentang Perjanjian Pangkor lihat W. G Maxwell (ed.), *Treaties and Engagement affecting the Malay States and Borneo*, London: JAS Truscott & Son Ltd, 1988, hlm. 28-30.

catatan penting bertajuk *Perak and the Malays: Sarong and Kris (1878)*<sup>8</sup> yang menggambarkan Perak kurun ke-19 sebagai sebuah negeri yang sedang berada dalam keadaan ‘nazak’ dan dilanda oleh kekacauan serta kemerosotan. Kekacauan dan keadaan anarki yang didakwa oleh McNair wujud di Perak itu berpunca daripada kezaliman dan sikap suka berebut kuasa antara pemerintah Melayu Perak hingga menimbulkan kesusahan dan penderitaan kepada rakyatnya.<sup>9</sup> McNair mengaitkan keganasan pemerintah Melayu dengan kegiatan merampas sumber ekonomi rakyat, sistem perhambaan yang kejam dan amalan kerah yang menindas.

Tentang perkembangan politik di Perak pada kurun ke-19 pula McNair menjelaskan bahawa negeri Perak sejak awal kurun ke-19 lagi khususnya selepas serangan Kedah pada 1818 telah berada dalam keadaan huru-hara dan anarki yang berpanjangan. Menurutnya sejak 1820, ‘...*Perak has been in a state of chronic and anarchy and confusion extending back for some time, caused principally by disunion among the Chiefs...*’.<sup>10</sup> Kekacauan dan perebutan kuasa menjadi satu sifat utama sistem politik Melayu yang bersifat kuku besi sehingga terbawa-bawa ke tahun 1870-an. Perpecahan tahun 1870-an itu pula telah dikusutkan lagi dengan berlakunya perang saudara antara kumpulan kongsi gelap Cina di Larut pada tahun 1860-an dan awal tahun 1870-an yang menjadikan kekacauan dan pembunuhan tidak lagi dapat dikawal oleh pemerintah Melayu yang lemah dan korup. Keadaan inilah menurut McNair yang mendorong Sultan Perak iaitu Raja Abdullah meminta bantuan pihak British melantik seorang Residen untuk menyelesaikan kemelut kekacauan di Perak.

---

<sup>8</sup> J. F McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1878.

<sup>9</sup> McNair menjelaskan bahawa; ‘*The government under the late Sultan being arbitrary and despotic, and having but little control over the many chiefs, these latter have been as tyrannical and freebooting as the barons of the Rhine, or those of our own land in the days of Magna Charta John; but without making the slightest effort to benefit anyone but themselves*’. J. F McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, hlm. 292.

<sup>10</sup> J. F McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, hlm. 348.

Dalam tulisannya itu McNair juga secara sepintas lalu menyentuh isu ‘perebutan takhta’ di Perak yang melibatkan Raja Abdullah, Raja Yusuf, Raja Ismail dan Ngah Ibrahim. Dalam tulisannya itu, McNair telah menggambarkan Raja Abdullah sebagai calon yang paling layak menduduki takhta kesultanan Perak tetapi telah diketepikan secara tidak sah melalui komplot para pembesar Melayu Perak yang diketuai oleh Ngah Ibrahim. Menurut McNair, Raja Ismail sebenarnya diangkat sebagai Sultan secara tidak sah oleh para pembesar Melayu Perak. Ini kerana Raja Ismail dikatakan bukan pewaris keturunan diraja Perak yang sebenar. Jelas McNair, ‘...he (Raja Ismail) was not of the blood-royal and his only claim to the position was that he had married into the royal family, and then placed in the ruling seat he was kept there by intrigue...’.<sup>11</sup> Pendek kata, McNair mengaitkan pertelingkahan dan perpecahan di Perak dengan isu perebutan takhta antara Raja Abdullah dan Raja Ismail, yang didakwa diangkat sebagai Sultan oleh para pembesar di bawah komplot Ngah Ibrahim yang cuba mendapatkan takhta tersebut buat dirinya sendiri.

Selain McNair, Swettenham juga merupakan salah seorang pentadbir kolonial yang banyak menulis dan menghasilkan catatan mengenai negeri-negeri Melayu termasuklah negeri Perak. Antara tulisan yang dihasilkan oleh beliau yang memerihalkan tentang perkembangan negeri-negeri Melayu termasuklah negeri Perak pada kurun ke-19 ialah *British Malaya* (1907),<sup>12</sup> *The Real Malay* (1913),<sup>13</sup> *About Perak* (1983),<sup>14</sup> *Footprints in Malaya*(1942)<sup>15</sup> dan beberapa tulisan lain. Umumnya catatan yang dihasilkan oleh Swettenham adalah berdasarkan pemerhatian

---

<sup>11</sup> J. F McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, hlm. 362.

<sup>12</sup> Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: J Lane, The Bodley Head, 1907.

<sup>13</sup> Frank Swettenham, *The Real Malay*, London dan New York: John Lane, 1913.

<sup>14</sup> Frank Swettenham, *About Perak*, Singapore: National University of Singapore Library, 1983.

<sup>15</sup> Frank Swettenham, *Footprints in Malaya*, London: Hutchinson, 1942.

sendiri semasa melawat beberapa negeri Melayu termasuklah semasa membantu beberapa pegawai atasan British seperti J. W. W Birch dan Andrew Clarke menyelesaikan isu perebutan takhta di Perak dan memenuhi misi mendapatkan alat kebesaran kesultanan Perak (regalia) bagi diserahkan kepada Sultan yang baru diiktiraf British iaitu Sultan (Raja) Abdullah.

Tulisan-tulisan Swettenham telah memberikan gambaran yang jelas mengenai suasana politik dalam negeri-negeri Melayu yang diperlihatkannya begitu teruk apabila seringkali tercetus perang saudara dan juga masalah perebutan takhta. Beliau juga pernah mendakwa bahawa suasana politik yang huru-hara sering terjadi adalah disebabkan oleh pemerintah peribumi Melayu yang hidup dalam keadaan yang jahil, ganas dan tidak berundang-undang.<sup>16</sup> Pandangan Swettenham ini jelas tergambar dalam satu laporannya tentang negeri-negeri Melayu yang bertajuk 'Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula' (1880).<sup>17</sup> Menurut Swettenham, krisis perebutan takhta di Perak bermula selepas kemangkatan Sultan Ali (Sultan Ali al- Mukamal Inayat Syah) pada tahun 1871. Kegagalan pembesar Melayu Perak memenuhi sistem penggiliran Sultan yang menetapkan Raja Abdullah sebagai calon yang paling layak dan berwibawa untuk ditabalkan sebagai sultan baru telah mewujudkan persengketaan dan perang saudara besar-besaran. Perlantikan Raja Ismail yang dijelaskan oleh Swettenham sebagai seorang raja yang tua dan lemah, 'a

---

<sup>16</sup> Di dalam tulisan Swettenham yang bertajuk *The Real Malay* ada menyentuh dan membincangkan berkaitan kehidupan masyarakat negeri-negeri Melayu yang hidup dalam keadaan yang tidak berundang-undang sehingga mencetuskan pelbagai konflik. Dakwaan beliau, '*...some kind of internal struggle for power, for place, or for the sheer pleasure of fighting, was constantly going on. There was also a strong belief that Malays were treacherous by nature and pirates by trade, and that there were no special inducements for a white man to trust himself in such a barbarous country.*' F. A Swettenham, *The Real Malay*, hlm. 8.

<sup>17</sup> Frank Swettenham, *Some Account of the Independent Native States of the Malay Peninsula, Especially of the Circumstances which led to the more intimate relations recently adopted towards some of them by the British Government, In Two Part*, dalam P. H Kratoska, *Honourable Intentions: talks on the British Empire in South-East Asia delivered at the Royal Colonial Institute, 1874-1928*, London: Oxford University Press, 1983.

*foreigner, a native of Sumatra*' dan bukannya berketurunan diraja Perak sebagai Sultan Perak yang baru melalui komplot pembesar Perak menjadi punca ketidakpuasan hati dan penentangan Raja Abdullah.

Perkara yang menariknya di dalam tulisan Swettenham ialah beliau turut menyentuh atau menjelaskan sebab-sebab kenapa hubungan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim yang telah menjadi begitu meruncing sejak dari awal lagi iaitu sebelum tercetusnya masalah 'perebutan takhta' tahun 1870-an. Menurut Swettenham, Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim merupakan adik-beradik angkat yang telah bermasalah atau berkonflik sejak awal kerana sikap Raja Abdullah yang suka meminta wang daripada Ngah Ibrahim semasa Sultan Jaafar (bapa Raja Abdullah yang mengambil Ngah Ibrahim sebagai anak angkat) masih hidup dan tindakan terburu-buru Raja Abdullah yang memajakkan pendapatan lombong di daerah Kerian (daerah yang berada di bawah kekuasaan Ngah Ibrahim) kepada Edward Bacon tanpa kebenaran Ngah Ibrahim. Sikap Raja Abdullah terhadap Ngah Ibrahim itu telah mewujudkan persengketaan peribadi antara mereka sejak sekian lama sebelum timbulnya isu kekosongan takhta Perak lagi. Namun Swettenham tidak pula menjelaskan dengan lebih lanjut tentang isu tersebut dan beliau tidak menganggapnya sebagai satu sebab utama yang mendorong persengketaan politik di Perak pada tahun 1870-an.

Tulisan beliau yang lain antaranya *British Malaya* dan kemudiannya *Footprints in Malaya* telah menegaskan lagi pandangannya tentang masalah isu berkaitan perebutan takhta yang menjadi punca utama berlakunya keadaan huru-hara di Perak. Menurut Swettenham, '*In Perak the largest and most important of the Western States, disputes about succession to the Sultanate, and quarrels between*

*rival Chinese factions as to the possession of rich tin mines, had thrown the country into such anarchy and confusion...'.<sup>18</sup> Huru-hara itulah menurut dakwaan Swettenham memaksa pemerintah Perak memohon British menghantar penasihatnya ke Perak untuk mengajar baginda cara-cara pemerintahan yang betul<sup>19</sup> dan bahawa British menimbangkan untuk campurtangan di Perak ‘...obviously to advise and assist in the administrations- the very solution which had come from one or more of the Malay Rulers’ hingga membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor 1874.*

Secara umumnya catatan pentadbir kolonial ini banyak menyentuh tentang perkembangan Perak kurun ke-19, khususnya yang melibatkan isu perebutan takhta yang berlaku pada 1870-an. Namun hampir semua catatan pentadbir kolonial tersebut hanya mengaitkan faktor campurtangan British dengan keadaan huru-hara dan anarki yang berlaku di Perak akibat perebutan takhta antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim. Kelemahan tulisan-tulisan kolonial ialah kebanyakan hasil tulisan tersebut gagal mengambil kira konflik yang berlaku lebih awal antara kedua-dua tokoh yang mana konflik tersebut tidak berkaitan pun dengan isu perebutan takhta di Perak. Sumber kolonial juga hampir langsung tidak menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh pihak asing yang disebut oleh sesetengah pengkaji sejarah sebagai ‘tangan-tangan ghaib’ iaitu golongan kapitalis Eropah-Cina yang turut berperanan dalam mempengaruhi kekusutan hubungan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim.<sup>20</sup> Antaranya ialah tindakan mereka yang memberikan galakan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Raja Abdullah supaya membuat tuntutan semula terhadap

---

<sup>18</sup> Frank Swettenham, *Footprints in Malaya*, hlm. 27.

<sup>19</sup> Lihat dalam Frank Swettenham, *Footprints in Malaya*, hlm. 30.

<sup>20</sup> Lihat dalam Azmi Arifin, *Perak Disturbances*, hlm. 58. Juga lihat dalam Azmi Arifin, *Kolonialisme British, Pergaduhan Kongsi Gelap Cina dan ‘Perebutan Takhta’ di Perak, 1871-1874*, hlm. 74-75.



takhta kesultanan Perak yang telah pun diserahkan kepada Raja Ismail.<sup>21</sup> Bahkan sumber kolonial juga langsung tidak menjelaskan kesan-kesan campurtangan British itu sendiri terhadap ketidakstabilan politik yang berlaku di Perak. Oleh yang demikian, tulisan kolonial hanya melihat perkembangan politik yang berlaku di negeri Perak kurun ke-19 itu secara berat sebelah. Mereka mengaitkan kekacauan yang berlaku di negeri Melayu itu dengan kelemahan sistem politik peribumi dan gejala perebutan takhta antara pemerintah Melayu tetapi menyembunyikan kesan-kesan campurtangan British dan orang Eropah sendiri yang turut menjadi punca utama menggalakkan konflik dan huru-hara di Perak.

Selain pentadbir kolonial, tulisan tentang Perak kurun ke-19 juga telah dikemukakan oleh beberapa sarjana pasca kolonial seperti R. O Winstedt dan R. J Wilkinson yang telah menghasilkan beberapa kajian penting yang menjadi rujukan utama. Mereka sebenarnya merupakan bekas pentadbir kolonial tetapi umumnya dianggap sebagai kelompok ahli sejarah awal yang menulis tentang sejarah negeri-negeri Melayu. Misalnya R. J Wilkinson dalam bukunya *A History of the Peninsular Malays* (1920)<sup>22</sup> dalam beberapa bab turut menyentuh tentang konflik yang berlaku di Perak pada tahun 1870-an. Tumpuan Wilkinson adalah membincangkan proses perlantikan Sultan Perak yang baru bagi menggantikan Raja Ali yang sudah mangkat. Perbincangan Wilkinson amat menarik kerana beliau menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku yang telah menyebabkan Raja Abdullah tersingkir daripada ditabalkan sebagai Sultan Perak dan dorongan-dorongan yang menyebabkan Raja

---

<sup>21</sup> Lihat dalam Azmi Arifin, *Perak Disturbances*, hlm. 56. Juga lihat dalam Azmi Arifin, *Kolonialisme British, Pergaduhan Kongsi Gelap Cina dan 'Perebutan Takhta' di Perak, 1871-1874*, hlm. 68-69.

<sup>22</sup> R. J Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays with the Chapters on Perak and Selangor*, Singapore: Kelly & Walsh, 1923.

Ismail telah diangkat oleh pembesar-pembesar Melayu sebagai Sultan Perak yang baru.

Berbanding dengan tulisan pentadbir kolonial yang lain, Wilkinson menjelaskan kedudukan Ngah Ibrahim dengan lebih baik tanpa memasukkan pandangan-pandangan yang negatif dan prejudis tentang perwatakannya. Ngah Ibrahim diperlihatkan sebagai individu yang berhak terhadap kekuasaan di Larut berbanding Raja Abdullah yang mengambil kesempatan daripada perubahan dasar British untuk mendapatkan takhta kesultanan Perak dan menguasai Larut. Catatan Wilkinson juga menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh beberapa individu yang memanipulasi kedudukan Raja Abdullah bagi menggalakkan dasar campurtangan British di Perak, misalnya peranan yang dimainkan oleh W. H Read, seorang pentadbir dan kapitalis British di Singapura. Namun dalam tulisannya Wilkinson tidak pula menyentuh tentang hubungan yang wujud antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim kecuali menjelaskan kedudukan Ngah Ibrahim yang diangkat sebagai Orang Kaya Mantri dan disahkan sebagai pemilik sebenar daerah Larut pada zaman pemerintahan Raja Ali dan juga usaha-usaha British menyelesaikan konflik antara mereka dalam usaha mempengaruhi mereka menerima campurtangan British di Perak.

Winstedt dalam beberapa tulisannya antaranya *A History of Malaya* (1935),<sup>23</sup> *A History of Perak* (1934)<sup>24</sup> dan *Malaya and Its History* (1948)<sup>25</sup> juga turut membincangkan tentang perkembangan negeri Perak pada kurun ke-19 dan konflik perebutan takhta yang berlaku pada tahun 1870-an. Namun seperti juga tulisan

---

<sup>23</sup> R. O Winstedt, *A History of Malaya*, 3<sup>rd</sup> Edition, Kuala Lumpur: Marican & Sons, 1962.

<sup>24</sup> R. O Winstedt and R. J Wilkinson, *A History of Perak*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1934.

<sup>25</sup> R. O Winstedt, *Malaya and Its History*, London: Hutchinson University Library, 1948.

Wilkinson, perbincangan Winstedt hanya bersifat sepintas lalu. Dalam beberapa bab tulisannya, Winstedt menjelaskan bahawa pada kurun ke-19 negeri-negeri Melayu umumnya sedang berada dalam keadaan anarki dan kemerosotan akibat perebutan takhta yang berlaku di seluruh negeri Melayu.<sup>26</sup> Berdasarkan situasi di Perak ketika itu sedang berada dalam keadaan perpecahan dan perang saudara yang berpunca daripada masalah perebutan takhta yang melibatkan Raja Abdullah dan Raja Ismail, yang disokong kuat dan dinaikkan oleh Ngah Ibrahim. Seperti pentadbir kolonial lain, Winstedt menganggap Raja Abdullah adalah calon Sultan yang paling layak tetapi telah diketepikan secara tidak adil oleh para pembesar Melayu melalui komplot jahat yang dirancang oleh Ngah Ibrahim. Winstedt menjelaskan bahawa Raja Abdullah adalah '*the legimist heir to the throne*'<sup>27</sup> dan '*...was the rightful heir and was intelligent and Europeanized and to disallow his claim because he had failed to attend a funeral (SultanAli) seemed to Victorian rationalists frivolous*'.<sup>28</sup> Jelasnya, Winstedt juga bersetuju dengan pandangan awal yang dibawa oleh pentadbir kolonial sebelumnya bahawa kekacauan dan perpecahan yang berlaku di Perak adalah disebabkan oleh perebutan takhta antara Raja Abdullah dan Raja Ismail yang disokong dan dinaikkan secara tidak adil oleh Ngah Ibrahim untuk memenuhi cita-cita Ngah Ibrahim sendiri untuk menjadi Sultan Perak kelak. Seperti tulisan sebelum ini, Winstedt juga tidak menyentuh tentang hubungan dan konflik awal yang tercetus antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim dan apakah kaitannya dengan isu perebutan takhta Perak pada 1870- an.

---

<sup>26</sup> Lihat dalam R. O Winstedt, *A History of Malaya*, hlm. 216.

<sup>27</sup> R. O Winstedt, *A History of Malaya*, hlm. 65.

<sup>28</sup> R. O Winstedt, *A History of Malaya*, hlm. 226. Juga lihat dalam Azmi Arifin, *Perak Disturbances*, hlm. 53.

Catatan-catatan oleh pentadbir dan bekas pentadbir kolonial di atas menjadi rujukan utama dan disambung oleh penulis-penulis selepasnya, khususnya dalam kalangan pengkaji sejarah yang awal. Antara yang paling awal adalah seperti yang dikemukakan oleh C. N Parkinson pada tahun 1960. Tulisan Parkinson yang bertajuk *British Intervention in Malaya*<sup>29</sup> merupakan kajian yang membincangkan secara terperinci tentang isu perebutan takhta di Perak pada 1870- an. Parkinson di dalam tulisannya telah menyentuh tentang hubungan dan konflik yang wujud antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim tetapi sama seperti pandangan yang dikemukakan sebelumnya, beliau juga berpendapat konflik tersebut berpunca daripada usaha Ngah Ibrahim untuk menegakkan pengaruh dan kekuasaannya di Perak. Menurut Parkinson, Ngah Ibrahim adalah individu utama yang mempengaruhi perlantikan Raja Ismail sebagai Sultan Perak yang baru menggantikan Raja Ali. Perlantikan ini dibuat dengan mengenyahkan Raja Abdullah yang sah dan berhak kerana usaha Ngah Ibrahim untuk memastikan beliau pada satu masa kelak dapat dilantik sebagai Raja Bendahara dan mencapai impian menjadi pemerintah berkuasa bukan sahaja di Larut tetapi di seluruh Perak.<sup>30</sup>

Tulisan Parkinson adalah antara segelintir tulisan yang paling banyak menyentuh tentang krisis politik di Perak pada 1870- an hingga membawa kepada campurtangan British, terlaksananya Perjanjian Pangkor dan kebangkitan orang Melayu Perak menentang campurtangan British. Walaupun Parkinson juga turut membincangkan tentang peranan utama yang dimainkan oleh pentadbir British dan golongan kapitalis Eropah-Cina dalam proses mengeksploitasi dan campurtangan di Perak, namun beliau tidak begitu memberikan tumpuan terhadap peranan golongan

---

<sup>29</sup> C. N Parkinson, *British Intervention in the Malay States 1867-1877*, Singapore: University of Malaya Press, 1964.

<sup>30</sup> C. N Parkinson, *British Intervention in the Malay States 1867-1877*, hlm. 74.

tersebut dalam mempengaruhi persengketaan antara Raja Abdullah-Ngah Ibrahim yang menyemarakkan konflik politik di Perak. Kajian Parkinson juga tidak memberi tumpuan dalam membincangkan tentang hubungan sebenar yang wujud antara Raja Abdullah-Ngah Ibrahim dan melihatnya sebagai punca utama yang mempengaruhi kekacauan di Perak tetapi menggunakan faktor-faktor yang dijelaskan sebelumnya iaitu kekacauan Perak adalah disebabkan oleh perebutan takhta antara pemerintah Melayu dan campurtangan British selain peranan yang dimainkan oleh golongan kapitalis Eropah- Cina di Negeri-negeri Selat.

Kajian lain yang boleh dikatakan membincangkan secara mendalam sejarah pergolakan politik dan campurtangan asing di Perak kurun ke-19 ialah tulisan yang dihasilkan oleh seorang lagi ahli sejarah awal, iaitu C. D Cowan. Cowan juga telah menghasilkan beberapa tulisan penting yang berkaitan negeri-negeri Melayu kurun ke-19, khususnya yang melibatkan negeri Perak. Antara tulisan beliau termasuklah buku yang bertajuk *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control* (1961)<sup>31</sup> dan sebuah catatan peribadi pentadbir British yang disusun oleh beliau bersama P. L Burns yang bertajuk *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876* (1975).<sup>32</sup> Cowan menjelaskan bahawa berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain terutamanya Johor, Kelantan dan Terengganu, negeri Selangor dan Perak pada kurun ke-19 adalah negeri yang paling teruk mengalami kekacauan. Kekacauan politik yang berlaku di negeri-negeri Melayu itu adalah dipengaruhi oleh gejala perebutan kuasa dan penglibatan kumpulan kongsi gelap Cina dan golongan

---

<sup>31</sup> C. D Cowan, *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, London: Oxford University Press, 1961.

<sup>32</sup> P. L Burns & C. D Cowan, (eds.) *Sir Frank Swettenham's Malayan Journal 1874-1876*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.

kapitalis Eropah-Cina di Negeri-negeri Selat dalam persengketaan orang Melayu.

Menurut Cowan;

*Perak dan Selangor we have left till last in this review, for in these states Malay politics had attained by 1867 their most advanced stage, - here on the west coast conditions were worse than anywhere else. In both states the quarrels of the Malay rajas produced two hostile groups of chiefs. In both large communities of Chinese tin- miners became involved in the quarrels of the Malays, and in both the opposing groups were financed by competing speculators and merchantile syndicates in the neighbouring British settlements.*<sup>33</sup>

Dalam menjelaskan tentang perpecahan politik dan ‘perang saudara’ yang berlaku di Perak pada tahun 1870- an, Cowan menegaskan kelemahan sistem politik orang Melayu dan gejala perebutan takhta adalah punca utama yang mewujudkan keadaan tersebut hingga menurutnya, *‘If the worst came to the worst civil wars were not unknown in Malay states’*.<sup>34</sup> Sejak tahun 1867 lagi kedua-dua negeri itu mengalami ‘perang saudara’ yang menurut Cowan *‘...it came threatened to plunge the whole of the west coast into chaos and to undermine the political safety and economic stability of Penang and Malacca’*.<sup>35</sup> Jadi meskipun Cowan mengakui penglibatan golongan imperialis dan kapitalis serta kumpulan kongsi gelap turut mempengaruhi ketidakstabilan dalam negeri Melayu namun masih tetap mengaitkannya dengan kelemahan sistem politik Melayu yang mewujudkan persengketaan dan perebutan kuasa.

Dalam menyentuh tentang hubungan yang wujud antara Raja Abdullah, Raja Ismail dan Ngah Ibrahim, Cowan juga menggambarkan dengan begitu jelas

---

<sup>33</sup> C. D Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 42.

<sup>34</sup> C. D Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 44.

<sup>35</sup> C. D Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 42.

persaingan kuasa antara golongan pemerintah untuk merebut kedudukan utama dalam negeri Perak iaitu jawatan Sultan Perak. Peranan Ngah Ibrahim dalam mempergunakan Raja Ismail yang tua dan lemah sebagai alat untuk memastikan pengaruhnya semakin kuat dan memencilkan Raja Abdullah dijelaskan antara sifat persaingan yang wujud antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim.<sup>36</sup> Namun tulisan Cowan umumnya hanya menyentuh secara sepintas lalu sahaja tentang konflik peribadi yang tercetus antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim yang berlaku sebelum 1870, khususnya yang berkaitan dengan tindakan Raja Abdullah menjual konsesi Kerian kepada orang asing tanpa kebenaran Ngah Ibrahim sendiri yang telah diiktiraf sebagai pemilik dan penguasa daerah tersebut. Secara umumnya, Cowan seperti sarjana lain berpendapat pertelingkahan yang berlaku antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim adalah berpunca daripada isu perebutan takhta manakala faktor-faktor lain termasuklah konflik peribadi dan ekonomi antara mereka lebih merupakan faktor sampingan sahaja.

Satu lagi tulisan menarik dikemukakan oleh Burns dalam sebuah buku bertajuk *The Journals of J. W. W Birch* (1976)<sup>37</sup> yang memuatkan catatan-catatan peribadi oleh Birch semasa beliau terlibat dalam proses campurtangan British di Perak. Dalam buku yang disusunnya itu, Burns turut membincangkan tentang krisis perebutan takhta yang berlaku di Perak pada 1870-an antara pemerintah Melayu. Tumpuan tulisan beliau khususnya di bahagian pengenalan buku yang disusunnya itu adalah terhadap soal campurtangan British dan keadaan-keadaan yang mendorong ke arahnya. Isu yang turut ditekankan oleh beliau adalah berkaitan tindakan-tindakan

---

<sup>36</sup> Lihat dalam C. D Cowan, *Nineteenth Century Malaya*, hlm. 44-52.

<sup>37</sup> P. L Burns. (ed.), *The Journals of J. W. W Birch*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976.

yang dilaksanakan oleh beberapa pentadbir British yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor dan kesan-kesannya selepas itu.

Dalam soal perkembangan di Perak kurun ke-19, Burns menyentuh tentang isu perebutan takhta 1870-an yang juga dikaitkan dengan persaingan antara pemimpin utama Perak iaitu Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim. Tulisan Burns menarik kerana menceritakan dengan jelas tentang perkembangan politik di Perak yang membawa kepada perantikan Raja Ismail sebagai Sultan Perak yang baru dan penyingkiran Raja Abdullah daripada jawatan tersebut. Burns turut membincangkan isu persaingan kuasa antara Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim dan penglibatan tangan-tangan asing misalnya individu seperti W. H Read, Thomas Scott dan Tan Kim Ching dalam konflik di Perak yang mendorong pertelingkahan antara dua pemerintah Melayu iaitu Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim menjadi lebih rancak. Pada hakikatnya Burns mengakui golongan kapitalis Eropah-Cina di Negeri-negeri Selat telah turut memainkan peranan penting dalam mencetuskan ketidakstabilan politik di Perak. Namun, Burns tidak memberikan tumpuan yang lebih mendalam akan isu tersebut kecuali menerangkannya secara sepintas lalu sahaja.

Tanpa menjelaskan satu persatu tulisan-tulisan yang lain, adalah mencukupi untuk merumuskan bahawa banyak lagi tulisan yang telah dihasilkan oleh pengkaji sejarah yang menyentuh tentang isu yang sama dan berasaskan pentafsiran sama tentang krisis politik di Perak tahun 1870- an itu, antaranya seperti yang dikemukakan oleh K. G. A Tregonning (1964),<sup>38</sup> E. Sadka (1968),<sup>39</sup> M. L Wynne

---

<sup>38</sup> K. G Tregonning, *A History of Modern Malaya*, (t.t.p), 1964.

<sup>39</sup> Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968.



(1941),<sup>40</sup> W. D McIntyre (1967)<sup>41</sup> dan Patrick Sullivan (1982).<sup>42</sup> Pandangan-pandangan yang dibawa oleh penulis seperti Cowan, McIntyre dan Sullivan amat berbeza dan menarik kerana mereka cuba bersikap objektif dan memaparkan perkembangan sejarah yang berlaku di Perak itu dengan mengambil kira pelbagai unsur yang memainkan peranan mewujudkan kekacauan di Perak pada tahun 1870-an. Misalnya dalam tulisan mereka dijelaskan bukan sahaja isu perebutan takhta dan ancaman campurtangan kuasa Eropah merupakan faktor utama yang mewujudkan ketidakstabilan dan menggalakkan campurtangan British, tetapi juga manipulasi tangan-tangan asing iaitu golongan kapitalis Eropah-Cina yang turut bertanggungjawab dalam menggalakkan persengketaan orang Melayu dan dalam masa yang sama juga turut terlibat mempengaruhi para pentadbir kolonial British untuk mengambil keputusan campurtangan di Perak.

Satu lagi tulisan yang cukup penting dikemukakan oleh Wynne bertajuk *Triad and Tabut* meskipun lebih menfokuskan kepada sejarah dan perkembangan kongsi gelap di Tanah Melayu namun pada masa yang sama turut memperlihatkan peranan kongsi gelap Cina dan golongan kapitalis Eropah-Cina dalam mencetuskan kekacauan di Perak pada tahun 1870-an. Dalam beberapa bab yang terkandung dalam bukunya itu, Wynne telah menyentuh dengan begitu menarik dan menjelaskan secara kronologi tentang perkembangan yang membawa kepada berlakunya krisis politik di Perak dan peranan pihak luar dalam mengusutkan lagi keadaan di Perak serta penglibatan British sendiri dalam campurtangan di negeri Melayu tersebut.

---

<sup>40</sup> Mervyn Llewelyn Wynne, *Triad and Tabut: A Survey of the Origin and Diffusion of Chinese and Mohamedan Secret Societies in the Malay Peninsula, AD 1800-1935*, London and New York: Routledge, 1941.

<sup>41</sup> W. D McIntyre, *The Imperial Frontier in the Tropics, 1865-1875*, New York: Macmillan St Martin's Press, 1967.

<sup>42</sup> Patrick Sullivan, *Social Relations of Dependence in a Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: M. B. R. A. S, 1982.

Sementara itu McIntyre dalam tulisannya *The Imperial Frontier in the Tropics 1865-75* pula telah mengaitkan peranan 'man in the spot' dalam proses penjajahan British di Perak dan mengenengahkan faktor kekacauan serta perang saudara yang berpanjangan sebagai faktor utama yang membolehkan British menegakkan kekuasaannya di Perak. Selain itu, beliau juga turut menyentuh tentang isu pelanggaran terhadap sistem penggiliran takhta Perak yang menyebabkan berlakunya kekusutan dan pertelingkahan politik. Namun dapat dijelaskan secara umumnya bahawa kesemua penulis tersebut mengemukakan pandangan yang hampir tidak jauh berbeza apabila menyentuh tentang isu perebutan takhta 1870-an dan kedudukan Raja Abdullah dan Ngah Ibrahim di Perak. Walaupun mempunyai pandangan yang berbeza tentang proses campurtangan British di Perak, namun hampir kesemua mereka mengakui bahawa memang wujud keadaan 'kekacauan' dan 'perang saudara' di Perak kurun ke-19 dan mereka juga bersetuju 'kekacauan' berlaku berpunca daripada perebutan takhta antara Raja Abdullah dan Raja Ismail yang disokong oleh Ngah Ibrahim dan wujudnya komplot yang dirancang oleh Ngah Ibrahim sebagai punca sebenar yang mencetuskan persengketaan sesama pemerintah Melayu.<sup>43</sup>

Pandangan yang dikemukakan oleh pentadbir kolonial dan penulis-penulis awal tersebut terus menjadi popular dan telah disambung oleh ramai lagi pengkaji sejarah tempatan, antaranya Wee Choon Siang (1952),<sup>44</sup> M. A Mallal (1952),<sup>45</sup> Norbi

---

<sup>43</sup> Misalnya dalam satu pernyataan McIntyre menjelaskan, 'By 1871, then, there were three major contenders for power in Perak. When the Sultan (Ali) died, Abdullah expected to be elected to succeed. But he was afraid to attend the Sultan's funeral and the subsequent electoral conference. The weak, old Bendahara Ismail was chosen instead. This, of course, suited the ambitious mantra, who wanted to maintain his independence in Larut, and who even perhaps aspired to the sultanate himself. Henceforth, the Perak Malays were divide between the 'up-river' chiefs in the north, particularly the Mantri, who became Ismail's chief supporter, and the 'down-river' chiefs in the south, who supported Abdullah'. W. D McIntyre, *The Imperial Frontier Tropics, 1865-75*, hlm. 179-180.

<sup>44</sup> Wee Choon Siang, *Ngah Ibrahim in Larut 1858-1874*, B. A Hons. Dissertation, University of Malaya, 1952.